

Kajian Mengenai Kekurangan Kemahiran Dalam Industri Tekstil dan Pakaian MTMA 2013

ABSTRAK

Pusat Tekstil dan Pakaian Malaysia (MATAC) melaksanakan kajian mengenai kekurangan kemahiran dalam Industri Tekstil dan Pakaian bagi pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM). Objektif kajian seperti berikut:

- a) Mengenal pasti kekurangan kemahiran dalam industri;
- b) Mengenal pasti kemahiran kritikal dalam industri;
- c) Memastikan adanya NOSS untuk kekurangan dan kemahiran kritikal yang dikenal pasti; dan
- d) Mengesyorkan NOSS supaya dibangunkan di mana NOSS tidak tersedia dan dikaji semula / dikemaskini NOSS yang kurang relevan.

Oleh Kerana kekangan kewangan, kajian ini terhad kepada ahli MATAC yang juga adalah ahli Persatuan Pengilang Tekstil Malaysia (MTMA) dan beberapa ahli Persatuan Pengilang Tenunan Malaysia (MKMA). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan pelbagai disiplin yang menggabungkan penyelidikan literatur, kajian soal selidik, temu duga dengan pihak pengurusan kanan syarikat-syarikat yang terlibat dan perbincangan kumpulan fokus yang melibatkan pakar-pakar industri. Hasil kajian menunjukkan kekurangan kemahiran yang serius / sangat serius dalam beberapa bidang pekerjaan dan tajuk kerja / jawatan yang meliputi aspek operasi perkilangan yang berbeza, khususnya dalam sub-sektor pembuatan pakaian. Semuanya terdapat didalam sembilan (9) bidang tugas proses pembuatan. Walau bagaimanapun, kekurangan kemahiran yang lebih kritikal terdapat dalam bidang corak dan membuat sampel; memotong; menjahit, menggabung dan keseimbangan garisan; pemeriksaan akhir; penyelenggaraan dan juga pemasaran dan pembangunan perniagaan. Antara tajuk-tajuk kerja yang menghadapi masalah kekurangan kemahiran yang kritikal adalah pembuat corak, jurujahit sampel, pengawal kualiti, operator memotong, jurutera industri, operator jahitan, juruteknik / mekanik dan jurujual barang dagangan (merchandiser). Sementara dalam sub-sektor tekstil, kekurangan kemahiran yang kritikal terdapat dalam dua (2) bidang kerja iaitu tenunan dan pencelupan. Antara tajuk kerja yang menghadapi masalah kekurangan kemahiran yang kritikal adalah teknologis pintalan, pembantu pintalan, penyelia dan operator dibidang kerja pintalan, sementara eksekutif, penyelia, operator kanan dan kakitangan teknikal dibidang kerja pencelupan. Berdasarkan dari penemuan kajian ini, pasukan penyelidik telah juga mencadangkan beberapa kemahiran yang kritikal agar dibentangkan bersama-sama dengan kekurangan kemahiran yang dikenal pasti pada mesyuarat kumpulan fokus yang diadakan di Batu Pahat pada 24 Oktober, 2013. Selepas beberapa perbincangan, penemuan mengenai kemahiran yang kritikal yang dicadangkan dipersetujui dan disahkan oleh kumpulan fokus. Antara kemahiran yang kritikal disahkan adalah pembuat corak, operator memotong, pengawal kualiti, operator jahitan, juruteknik /mekanik dan jurujual barang barangan (merchandiser). Kajian semula NOSS yang sedia ada juga telah dijalankan dan mendapati bahawa daripada 19 NOSS, hanya lima (5) NOSS masih relevan kepada industri. Namun begitu, faktor usia NOSS yang melebihi daripada lima tahun memerlukan ianya dikaji semula dan dikemaskini. Disamping itu, kajian mengesyorkan NOSS dibangunkan bagi semua kemahiran yang kritikal yang dikenal pasti. Secara Kebetulan, kemahiran ini sedang menghadapi masalah kekurangan kemahiran yang serius dalam pasaran buruh. Pada masa yang sama, lima (5) NOSS yang kurang relevan juga perlu dikaji semula dan dikemaskini. NOSS adalah penting bagi industri yang mana ia membolehkan semua pihak yang berkepentingan melaksanakan latihan yang berkaitan dengan keperluan majikan.

Disamping itu, usaha ini boleh mewujudkan penawaran pekerja yang stabil dan tenaga kerja yang terlatih, mahir dan kompeten bagi membolehkan industri mengoptimalkan kecekapan pengeluaran, dapat memastikan kualiti produk dan meningkatkan daya saing dalam pasaran dunia.